

DATE: 16/6/2010

Bersemaidinya Rachel Corrie

**SHAMSUL
AKMAR
MUSA KAMAL**



LAUT bergelora sudah menjadi tenang.

Walaupun masih mabuk laut, cuaca baik pada pagi itu memberikan harapan bahawa keadaan akan bertambah baik dan kapal Rachel Corrie sudah bersedia sepenuhnya untuk meneruskan perjalanan ke Gaza.

Aktivis-aktivis Malaysia dan Ireland bangun seawal pukul 5 pagi pada 31 Mei dan sudah kedengaran anak-anak kapal membersihkan dapur dan bahagian lain kapal yang berselerak akibat pukulan ribut malam tadi.

Deringan telefon bimbit (masih boleh digunakan kerana pelayaran ketika itu sedang menyusur perairan tidak jauh dari kepulauan Malta) juga mula terdengar.

Berita yang diterima: "Mavi Marmara, salah sebuah kapal Freedom Flotilla dari Turki, telah diserang dan ramai yang mati dan cedera parah."

Hampir kesemua aktivis di atas kapal Rachel Corrie tergamam mendengar berita itu.

Pada masa yang sama, panggilan daripada kaum keluarga dan teman-teman tidak henti-henti, antaranya bertanya tentang keselamatan dan lebih banyak menyuruh pulang dan berpatah balik.

Hampir kesemua aktivis berasa tertekan kerana panggilan-panggilan serta pesanan ringkas kesemuanya mendesak supaya MV Rachel Corrie berpatah balik.

Ketika itu, kesemua aktivis Malaysia dan Ireland bersetuju untuk berkumpul di bahagian tengah kapal untuk membincangkan apakah yang harus mereka lakukan.

Dicadangkan supaya diadakan undian dengan mengangkat tangan sama ada setuju untuk Rachel Corrie terus ataupun berpatah balik ke Malta.

Pada waktu yang sama, ditekankan juga bahawa apabila keputusan untuk meneruskan perjalanan diambil, tidak seorang pun boleh meminta untuk berpatah balik di pertengahan jalan.

Aktivis Malaysia berbincang sesama sendiri. Antara lain, disebut bahawa tiada perlu rasa malu jika takut untuk meneruskan perjalanan kerana keadaan telah berubah. Sebelum pelayaran, berdasarkan pengalaman lalu, kesemua percaya perkara paling buruk yang mungkin menimpa adalah ditangkup oleh askar Israel, didera dan dicampakkan ke penjara.

Mati ditembak bukanlah salah satu keadaan yang dijangkakan sama sekali. Namun begitu, walaupun sedar bahawa kemungkinan apa yang terjadi ke atas Mavi Marmara mungkin berulang kepada MV Rachel Corrie, aktivis Malaysia bersetuju sebulat suara bahawa usaha untuk pergi ke Gaza dan menyampaikan bantuan kemanusiaan adalah satu amanah yang telah diterima dan perlu disempurnakan seberapa daya yang mampu.

Bagi mereka juga, jika berpatah balik, ini bermakna Israel telah berjaya menakutkan mereka dan itu adalah sesuatu yang tidak boleh dibenarkan. Keputusan itu disampaikan



TENTERA Israel menawan kapal Rachel Corrie pada 5 Jun lalu. Kemudian kapal tersebut dan aktivis bantuan kemanusiaan ke Gaza dibawa ke Pelabuhan Ashdod, Israel.

kan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (Perdana Global Peace Organisation - PGPO).

Beliau menerima dan menyokong apa saja keputusan yang dibuat oleh aktivis Malaysia dan berharap mereka akan berjaya.

Keputusan aktivis Malaysia itu disampaikan kepada teman-teman dari Ireland dan mereka juga telah mencapai keputusan yang sama.

Setelah tangan diangkat oleh 11 aktivis menandakan sokongan supaya pelayaran diteruskan, kesemua turut bersetuju satu kenyataan akhbar dikeluarkan untuk menearangkan kedudukan serta keputusan yang diambil oleh kapal Rachel Corrie.

Antara lain, kenyataan akhbar itu menyatakan bahawa aktivis-aktivis di atas Rachel Corrie mengancam serta mengutuk tindakan ganas Israel ke atas Mavi Marmara. Selain itu, mereka turut bersimpati dengan keluarga aktivis yang terkorban.

Dengan apa yang telah berlaku, aktivis-aktivis di atas Rachel Corrie berasa lebih bertekad untuk meneruskan misi mereka.

Setelah selesai kenyataan itu ditulis dan dihantar ke pejabat PGPO di Kuala Lumpur untuk diedarkan kepada pihak media, Derek Graham, salah seorang aktivis dari Ireland secara bergurau berkata:

"I thought we Irish were crazy - you Malaysians are mad." (Aku sangka, cuma kami bangsa Irish yang tidak siaman - rupanya kamu orang Malaysia juga gila).

Itulah juga reaksi yang diterima oleh aktivis-aktivis di atas Rachel Corrie dari setengah-setengah panggilan daripada pihak media yang bertanya apakah mereka tidak takut menghadapi kemungkinan ditembak oleh askar Israel.

Apa sekalipun, keputusan telah dibuat dan aktivis-aktivis meneruskan perjalanan dengan keyakinan apa yang terjadi ke atas Mavi Marmara tidak akan berulang.

Bermula dengan kenyataan akhbar itu, kapal Rachel Corrie mula mendapat panggilan tidak putus-putus daripada pihak media, ah-

li-ahli politik, pemimpin negara dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari serata dunia.

Kebanyakan soalan yang diajukan oleh pihak media, selain mengapa aktivis-aktivis itu mahu meneruskan perjalanan ke Gaza setelah apa yang berlaku, mereka juga diberitahu bahawa Israel mengatakan bahawa Rachel Corrie membawa senjata.

Selain itu, pihak media memberitahu bahawa bahan-bahan bantuan yang dibawa oleh Rachel Corrie boleh dijadikan senjata.

Dalam lain perkataan, Tel Aviv telah melakukan penipuan menerusi medianya untuk menggambarkan bahawa Rachel Corrie itu penuh dengan pengganas dan membawa senjata malah jika diserang oleh tentera Israel, ia adalah sesuatu yang wajar.

Aktivis Rachel Corrie terpaksa memikirkan apakah cara untuk mengatasi propaganda Israel dan akhirnya mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa sebarang badan bebas, sebaik-baiknya pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dijemput untuk naik ke atas Rachel Corrie dan melakukan pemeriksaan terhadap segala-gala yang dibawanya.

Aktivis di atas Rachel Corrie menyatakan kesediaan itu walaupun kargonya telah diperiksa di setiap pelabuhan yang disinggahi dan kargo itu telah dikunci dengan tag keselamatan dan tidak diusik sejak ia dipasang.

Setelah kenyataan itu dikeluarkan, pihak media yang menghubungi kapal Rachel Corrie memberitahu Tel Aviv membuat tawaran supaya Rachel Corrie belayar ke Ashdod, sebuah pelabuhan di Israel dan bantuan kemanusiaan di dalam kapal itu dipunggah ke atas lori-lori dan kemudiannya dihantar ke Gaza melalui jalan darat. Dua orang aktivis Rachel Corrie dibenarkan ikut serta untuk menyaksikan sendiri penghantaran itu.

Aktivis di atas Rachel Corrie menolak tawaran itu sama sekali dengan menyatakan bahawa tujuan mereka adalah untuk ke Gaza dan bukan ke Ashdod ataupun tempat-tempat lain. Mereka mahu menyerahkan sendiri kargo kepada rakyat Palestin di Gaza.

Jika mereka bersetuju ke Ashdod, ini bermakna mereka mengiktiraf sekatan haram Tel Aviv ke atas Gaza.

Setelah itu, timbul pula berita bahawa Mesir bersetuju membenarkan Rachel Corrie berlabuh di Iskandariah dan kargo dihantar melalui Rafah, sempadan Mesir dan Gaza.

Sekali lagi diulangi bahawa Rachel Corrie mahu ke Gaza dan bukan Iskandariah atau pelabuhan lain.

Dibangkitkan juga kepada media, mengapa baru sekarang Mesir mahu membuka sempadan Rafah? Beberapa aktivis di atas Rachel Corrie menegaskan mereka hanya akan bersetuju melalui Rafah jika kerajaan Mesir sanggup memberi jaminan yang Rafah tidak akan dibuka secara sementara tetapi untuk selamanya untuk bantuan kemanusiaan masuk dan keluar ke Gaza.

Setelah itu, tidak timbul lagi isu Rafah dibuka untuk Rachel Corrie.

Begitulah perhatian media kepada Rachel Corrie dan pada Sabtu 5 Jun, kapal Rachel Corrie cuma kurang 50 batu (80 km) dari perairan Gaza walaupun masih di dalam perairan antarabangsa.

Subuh itu, sekitar pukul 4 pagi, di dalam radar telah kelihatan beberapa buah kapal peronda Israel di sekeliling Rachel Corrie.

Beberapa jam kemudian, radar dan semua alat komunikasi Rachel Corrie disekat. Cuma radio di bilik kapten yang boleh digunakan untuk berhubung.

Kemudian masuk panggilan dari askar Israel yang menyuruh Rachel Corrie berpatah balik dan jawapan yang diberikan adalah: "Kami mahu ke Gaza dan Rachel Corrie tidak akan berpatah balik."

Rachel Corrie meneruskan perjalanannya dan tidak lama selepas itu, pihak Israel menghubungi Rachel Corrie sekali lagi dan membuat tawaran untuk Rachel Corrie pergi ke Ashdod dan kargonya dihantar melalui jalan darat seperti ditawarkan sebelum itu dan jawapan yang diberi adalah:

"Kami mahu ke Gaza. Kami tidak mahu ke Israel, Ashdod mahupun tempat lain. Kami akan terus belayar ke Gaza."

Selepas itu, bertambah banyak lagi kapal peronda Israel lengkap dengan 'machine gun' yang dihalakan ke arah Rachel Corrie berlegar-legar di sekelilingnya.

Rachel Corrie terus berlayar ke arah Gaza. Apabila cuma tinggal 35 batu nautika dari Gaza, pihak Israel, melalui radio berkata: "Kami akan naik ke atas kapal anda sekarang."

Enam buah bot laju Zodiac dinaiki 10 orang askar lengkap bersenjata dan memakai topeng mendekati Rachel Corrie dari kedua-dua belah sisi dan askar-askar itu melompat naik lalu mengarahkan aktivis dan anak-anak kapal supaya duduk di bahagian tengah kapal.

Pelayaran Rachel Corrie diambil alih oleh askar Israel dan haluannya diubah ke arah Ashdod.

Apabila sampai di Ashdod, ia 'disambut' oleh lebih 100 askar dan pegawai Israel.

Rachel Corrie dilabuhkan di situ. Ia masih di situ bersama-sama bantuan kemanusiaan yang diamankan oleh rakyat Malaysia, rakyat Ireland dan masyarakat dari serata dunia yang mahu nasib rakyat Palestin di Gaza dibela.

Tetapi Israel tetap bongkak. Rachel Corrie 'disemadikan' buat kali kedua manakala Amerika, rakan sekutunya terus membisu.